



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 Mac 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Kerajaan jamin harga barangan keperluan stabil

Peniaga diwajibkan patuh skim harga maksimum elak kenaikan tak munasabah

Oleh Suraya Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan harga barangan keperluan akan kekal stabil dan terkawal sepanjang musim perayaan akan datang walaupun berdepan cabaran kenaikan kos di peringkat global.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam, berkata Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) akan diteruskan seperti tahun-tahun sebelum ini sebagai mekanisme utama mengawal harga barangan keperluan terpilih.

"Melalui skim ini, harga maksimum akan ditetapkan bagi barangan tertentu dan setiap peniaga diwajibkan untuk mematuhi penetapan harga itu bagi mengelakkan kenaikan yang tidak munasabah akibat faktor luaran seperti kenaikan harga minyak dunia," katanya kepada *BH* ketika dihubungi.

Azman berkata, KPDN mengambil pelbagai langkah proaktif termasuk melaksanakan pemantauan rapi terhadap rantaian bekalan dengan kerjasama strategik bersama pihak pengeluar, pemborong, dan peruncit.

Selain itu, tegas beliau kemen-



Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) akan diteruskan sebagai mekanisme utama mengawal harga barangan keperluan terpilih. (Foto hiasan)

terian turut melaksanakan intervensi bersasar seperti Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) bagi memastikan bekalan barangan sentiasa mencukupi di pasaran serta mudah diperolehi pengguna pada harga yang lebih berpatutan.

Mengulas mengenai aspek penguatkuasaan, Azman menegaskan operasi pemeriksaan harga dan bekalan barang ditingkatkan di seluruh negara terutama di pasar awam, pasar basah, pasar raya, kedai runcit serta premis perniagaan makanan.

Katanya, pemeriksaan berkala bagi memastikan semua peniaga mematuhi harga maksimum yang ditetapkan, mengesan aktiviti pencatutan, serta memastikan tanda harga dipamerkan dengan jelas kepada pengguna.

Beliau turut memberi amaran

tindakan tegas mengikut undang-undang sedia ada akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan, termasuk pemberian kompaun dan pendakwaan di mahkamah.

Harga barang dijangka naik

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, berkata pihaknya menjangkakan harga bahan mentah naik dalam tempoh seminggu dua lagi.

"Ia mungkin naik hingga 50 peratus untuk seketika.

"Namun, harganya kemudian mungkin akan turun sedikit pula hingga 30 peratus," katanya kepada *BH*, semalam.

Setakat ini, beliau berkata, belum ada kenaikan harga sayuran walaupun kos pengeluaran me-

ningkat dengan cepat.

Katanya, faktor peningkatan kos pengeluaran termasuklah kenaikan harga baja tanaman, serta diesel yang antara lain diperlukan bagi operasi jentera, generator dan pengangkutan.

Dalam perkembangan sama, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Nadzim Johan, berkata pihaknya sering menasihati pengguna berjinat cermat berbelanja.

Bagi mengurangkan kos perbelanjaan isi rumah, beliau berkata, orang ramai disarankan mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan di kawasan rumah untuk kegunaan sendiri.

Selain itu, pengguna harus membuat pilihan bijak dengan membuat perbandingan harga bagi mendapatkan produk lebih murah atau berpatutan.



Above: Muhamad Hanif (third from right) during an inspection of traders at the Shah Alam bazaar.

Left: Selangor KPDN officers carrying out 'Ops Pantau' monitoring of traders at the Ramadan bazaar of Stadium Shah Alam in Section 13. —Photos: Bernama

SELANGOR Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) recorded 67 cases of traders flouting regulations during an eight-day operation.

Selangor KPDN director Muhamad Hanif Asa'ari said "Ops Pantau 2026" inspections, which ran from Feb 19, covered 1,284 premises across the state.

This included at Ramadan and Hari Raya Aidilfitri bazaars, public markets, supermarkets and grocery stores.

Of the cases recorded, 35 involved the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 and 26 under the Weights and Measures Act 1972.

Three cases were also recorded under the Control of Supplies Act 1961; two under the Consumer Protection Act 1999; and one under the Trade Descriptions Act 2011.

Price check at 1,284 premises in Selangor

Ministry steps up inspections to ensure compliance at bazaars, public markets

"Types of offences included failure to display price tags, using unverified weighing instruments and misleading price marking.

"Other offences involved the selling of controlled goods without a permit, and trading with invalid trademarks," said Muhamad Hanif.

He said this after a monitoring operation at the Ramadan bazaar of Stadium Shah Alam in Section 13.

According to Muhamad Hanif, Selangor KPDN had deployed the Consumer STAR Van at key locations, including at Ramadan bazaars, for consumers to lodge

complaints directly with the ministry.

"The van acts as a mobile counter, helping consumers get information quickly and enabling faster action," he said in a Bernama report.

Muhamad Hanif said Selangor KPDN, in collaboration with local

authorities, organised 16 "Bazaar Ramadan Rahmah" (BRR) throughout the state offering Menu Rahmah at affordable prices.

"In addition, the Selangor BRR introduced two new KPDN initiatives, including the Ihsan Food Bank to reduce food waste and the Patuh initiative to ensure that all traders comply with regulations and laws under the supervision of the KPDN," he said.



截至今年 3 月中闽贸生部 监察行动共 13 宗涉违法

(本报纳闽 23 日讯) 截至 2026 年 3 月中，纳闽国内贸易及生活成本部通过“2026 年监察行动”共记录 13 宗执法案件，涉及罚款总额达 3,700 令吉。

该项自 2 月 19 日展开的行动，共检查了 1,593 个营业场所，旨在确保商家遵守相关法律，并在斋戒月及开斋节来临之际保障消费者权益。在上述行动中，执法单位亦录得总值 477 令吉的充公物品。

整体而言，从 2026 年 1 月至 3 月 19 日期间，KPDN 纳闽在执法行动方面共检查了 4,583 个营业场所，记录 44 宗案件，涉及罚款总额 22,000 令吉，充公物品总值为 11,716.80 令吉。

案件分类方面，最高违规类别为《2011 年价格控制及反暴利法令》(第 723 号法令)，共 29 宗；其次为《1972 年度量衡法令》(第 71 号法令) 7 宗、《1961 年供应控制法令》(第 122 号法令) 5 宗、



官员检查市场商品供应

《1999 年消费者保护法令》(第 599 号法令) 2 宗，以及《2011 年商品说明法令》(第 730 号法令) 1 宗。

在同一期间，共接获 34 宗公众投诉，所有案件均在 14 天内完成调查并结案。

纳闽国内贸易及生活成本部将持续加强整体执法及宣导工作，以确保商家维持高水平的守法意识。

“2026 年监察行动”相关监督工作将持续不定期展开。(001)

KPDN inspects outlet after claims of misleading price representations

MIRI: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has conducted an inspection at a fast-food outlet here following allegations of misleading price representations involving goods or services.

In a statement posted on its Facebook page, KPDN Miri said the inspection was carried out after a public complaint related to the matter went viral on social media.

"As a result, enforcement action under Section 12(1)(a) of the Consumer Protection Act 1999 was taken against a premises located at Marina Parkcity," it said.

The department reminded all traders to strictly adhere to existing regulations and to conduct their businesses in an ethical and transparent manner.

It also called on the public to cooperate with enforcement authorities by acting as the eyes and ears of the department, and to report any information or complaints related to unethical business practices through the appropriate channels.



KPDN personnel conduct the investigation at the premises. — KPDN Miri photo

As a result, enforcement action under Section 12(1)(a) of the Consumer Protection Act 1999 was taken against a premises located at Marina Parkcity.

KPDN Miri

KPDN said complaints can be channelled to 019-8488000 (WhatsApp), eaduan.kpdn.gov.my, 1-800-886-800, or through the Ez ADU KPDN mobile application.

KPDN Miri siasat premis makanan segera papar harga mengelirukan

MIRI: Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Miri telah menjalankan pemeriksaan terhadap sebuah premis makanan segera di Marina Parkcity di sini susulan aduan awam berkaitan paparan harga yang mengelirukan.

Tindakan itu diambil secara proaktif selepas aduan berkenaan tular di laman sosial Facebook, sekali gus mencetuskan kebimbangan pengguna terhadap ketelusan harga yang ditawarkan.

Menurut kenyataan KPDN Miri, hasil pemeriksaan mendapati terdapat asas untuk tindakan lanjut dan satu kes telah diambil di bawah Seksyen 12(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang melibatkan kesalahan memberi gambaran mengelirukan mengenai harga barangan atau perkhidmatan.



SIASAT: Dua pegawai KPDN Cawangan Miri mendapatkan maklumat berhubung aduan awam terhadap premis berkenaan, di Miri Sabtu lalu.

Sehubungan itu, pihak KPDN mengingatkan semua peniaga agar sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mengamalkan urusan niaga yang beretika dan telus bagi melindungi kepentingan pengguna.

Dalam pada itu, orang ramai turut digesa memainkan

peranan sebagai 'mata dan telinga' pihak berkuasa dengan menyalurkan sebarang maklumat atau aduan berkaitan salah laku peniaga melalui saluran rasmi yang disediakan.

Aduan boleh disalurkan menerusi WhatsApp Aduan Pengguna di 019-8488000,

portaleAduan KPDN, talian pusat panggilan 1-800-886-800 serta aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

Langkah penguatkuasaan berterusan ini sejajar dengan usaha KPDN dalam memastikan amalan perdagangan yang adil dan melindungi hak pengguna di negara ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 MAC 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Mar	Ministry pledges festive price stability to continue despite rising global costs	https://www.thevibes.com/articles/news/121043/ministry-pledges-festive-price-stability-to-continue-despite-rising-global-costs	THE VIBES
24-Mar	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan akan diteruskan bagi kawal harga barangan keperluan terpilih	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2026/03/1524628/skim-harga-maksimum-musim-perayaan-akan-diteruskan-bagi-kawal-harga	BERITA HARIAN
24-Mar	Harga diesel tak sama di Sabah, Sarawak dan Semenanjung undang persoalan	https://malaysiagazette.com/2026/03/23/harga-diesel-tak-sama-di-sabah-sarawak-dan-semenanjung-undang-persoalan/	MALAYSIA GAZETTE
24-Mar	KPDN Miri siasat premis makanan segera papar harga mengelirukan	https://www.utusanborneo.com.my/2026/03/23/kpdn-miri-siasat-premis-makanan-segera-papar-harga-mengelirukan	UTUSAN BORNEO
24-Mar	KPDN Miri inspects outlet after allegations of misleading price representations	https://www.theborneopost.com/2026/03/23/kpdn-miri-inspects-outlet-after-allegations-of-misleading-price-representations/	THE BORNEO POST
24-Mar	Peniaga digesa punyai etika tinggi dalam menentukan harga	https://www.astroawani.com/video/awani-pagi-vazkxhczn/peniaga-diges-punyai-etika-tinggi-dalam-menentukan-harga	ASTRO AWANI